

EDISI 2/2025

BULETIN MAJLIS DAERAH BAU

MD BAU BROADCAST

H
I
G
H
L
I
G
H
T
S



HUBUNGI KAMI !



082-763129



mdbau@sarawak.gov.my



<http://baudc.sarawak.gov.my>



MAJLIS DAERAH BAU
JALAN ONG GUAN CHENG,
94000 BAU, SARAWAK



MAJLIS DAERAH BAU

BAU : BE BOLD, AMBITIOUS & UNIFIED



SILA IMBAS SINI



Buletin MDB Edisi 2/2025 EBook

ISI KANDUNGAN

- 2 Seuntai Kata Pengerusi Majlis
Secebis Bicara Setiausaha Majlis
- 3 Kempen Penanaman Pokok, Perlindungan dan Pemuliharaan Habitat Sarawak Energy 2021-2030
- 4 Program Gotong-Royong Sempena Hari Cuci Malaysia
Mesyuarat Majlis Penuh dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Mantan Ahli Majlis
- 5 Program Mass Vaccination, Microchipping dan Licensing MDBau
Kursus Sistem Correspondence And Tracking Case Unified System (CACTUS)
- 6 Sesi Audit Sumber Manusia Majlis Daerah Bau
Mesyuarat Penutupan Audit Penyata Kewangan Majlis Daerah Bau Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- 7 Bengkel SDG 3RE : Transformasi Tekstil Kepada Produk Berguna
Lawatan Akademik Institusi Pengajian Tinggi Ke Majlis Daerah Bau
Sambutan Hari Integriti Sarawak 2025 Secara Dalam Talian
- 8 Program Cuti Sekolah
Program Hari Cuci Malaysia 2025 Peringkat Daerah Bau Anjran Majlis Daerah Bau - Kampung Kopit
- 9 Bengkel SDG 3RE : Bengkel Lilin & Coklat
- 10 Lawatan Sambil Belajar Ahli Majlis Ke Kampung Munggu Jabang, Lubok Antu
- 11 Kunjungan Rasmi Dan Perjumpaan Muhibah Ketua Polis Daerah Bau Ke MD Bau
- 12 Pertandingan Antara Sekolah Menggunakan Sisa Terpakai Untuk Mencipta Bahan Pembelajaran Kelas
Sempena Pameran Innowaste 2025
- 13 Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Bau
- 14 Pameran Innowaste 2025
Seminar Ahli-Ahli Majlis 2025 : Localization Of Sustainable Development Goals (SDG) For Sarawak Local Authorities
- 15 Lawatan Delegasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya Ke Majlis Daerah Bau Dan Pasar Serikin
- 16 Program Saringan Kesihatan 2025
Majlis Makan Malam Tahunan Majlis Daerah Bau 2025
- 17 Bau Town Christmas Tree Light Up 2025
Aktiviti Rondaan Dan Operasi Penangkapan Anjing Tidak Bertuan Di Kawasan Singai
- 18 Majlis Anugerah MPHLG 2025
- 19 Operasi Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP) Nyamuk Di Kawasan Tasik Biru
Afterschool Workshop 2025
- 20 Aktiviti Rondaan Dan Operasi Penangkapan Anjing Tidak Bertuan Di Kawasan Singai, Bau
Program Kaunter Bergerak Bahagian Penilaian & Percukaian MDB Di Kampung Sibuluh
- 21 Perhimpunan Pagi Dan Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Rekreasi Majlis Daerah Bau
- 22 Sambutan Pra-Krismas Majlis Daerah Bau
- 23 Latihan Kebakaran (Fire Drill) Majlis Daerah Bau Bersama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia



Seuntai Kata Pengerusi Majlis



ENCIK EDDY ANAK NAYOI
PENGERUSI MAJLIS DAERAH BAU

Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Bau kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Buletin MDB Edisi 2/2025. Penerbitan buletin ini mencerminkan komitmen Majlis Daerah Bau dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan telus, di samping memperkukuh hubungan serta kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat. Melalui medium ini, pelbagai inisiatif, program dan projek pembangunan yang dilaksanakan dapat dikongsi secara lebih menyeluruh.

Majlis Daerah Bau sentiasa berusaha merancang dan melaksanakan pembangunan yang seimbang merangkumi aspek fizikal, sosial dan ekonomi demi meningkatkan kesejahteraan serta kualiti hidup penduduk. Kejayaan pelaksanaan agenda pembangunan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan padu dan kerjasama berterusan daripada semua pihak.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada warga kerja Majlis Daerah Bau, agensi-agensi berkaitan serta seluruh masyarakat Bau atas komitmen dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan setiap perancangan dan inisiatif yang dilaksanakan.

Akhir kata, saya berharap agar buletin ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai sumber maklumat dan rujukan, serta menjadi pemangkin kepada usaha bersama dalam membangunkan Daerah Bau yang lebih maju, sejahtera dan mampan.

Secebis Bicara Setiausaha Majlis



ENCIK ONG CHING PING
SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BAU

Penerbitan buletin Majlis Daerah Bau ini merupakan satu inisiatif berterusan dalam memastikan penyampaian maklumat yang tepat, telus dan berkesan kepada warga daerah. Buletin ini berfungsi sebagai medium komunikasi rasmi bagi memaklumkan pelbagai aktiviti, program serta perkembangan semasa yang dilaksanakan oleh pihak majlis.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan, Majlis Daerah Bau komited untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan mutu penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan masyarakat serta aspirasi pembangunan daerah. Kerjasama padu daripada semua pihak, khususnya warga kerja majlis dan masyarakat setempat, amat penting dalam merealisasikan matlamat tersebut.

Saya berharap agar buletin ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai sumber maklumat dan rujukan, di samping menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam usaha bersama membangunkan Daerah Bau yang lebih teratur, bersih dan sejahtera.



3 Julai 2025 : Kempen Penanaman Pokok, Perlindungan dan Pemuliharaan Habitat Sarawak Energy 2021-2030



Sarawak Energy Berhad (SEB) dengan kerjasama Pejabat Daerah Bau dan Majlis Daerah Bau telah melancarkan Kempen Penanaman Pokok, Perlindungan dan Pemuliharaan Habitat selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk penghijauan semula kawasan terjejas. Sebanyak 150 anak pokok buah-buahan telah ditanam di perkarangan Pejabat Daerah Bau bagi menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan 'Greening Sarawak'. Program dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Encik Mohd Nazam bin Jaffar, Senior Manager II (Sustainability Department) dan ucapan pembukaan oleh Encik Lensus anak Met, Senior Manager Rural Electrification Department seterusnya dirasmikan oleh Encik Eddy anak Nayoi, Pegawai Daerah Bau. Turut hadir ke program tersebut adalah kakitangan daripada Sarawak Energy Berhad, Pejabat Daerah Bau, Majlis Daerah Bau, Penghulu, KMKK serta Ahli Majlis. Program ini bukan hanya menambah kehijauan sekitar Bau tetapi juga memberikan impak langsung kepada komuniti dan alam sekitar selari dengan strategi SEB dan aspirasi negeri untuk menjadi peneraju dalam inisiatif mesra alam dan rendah karbon. Dalam ucapan, Pegawai Daerah Bau turut menyatakan hasrat agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang bersama komuniti setempat sebagai tanda sokongan ke arah kelestarian bandar dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat global. Beliau turut menambah melalui penanaman pokok, inisiatif ini turut menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon selaras dengan Pelan Tindakan Karbon Rendah yang disokong oleh SDG 13 (Tindakan Memerangi Perubahan Iklim) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan).

11 Julai 2025 : Program Gotong-Royong Sempena Hari Cuci Malaysia



Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pentingnya menjaga kebersihan kawasan kediaman, tempat kerja, dan ruang awam.

18 Julai 2025 : Mesyuarat Majlis Penuh dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Mantan Ahli Majlis



Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Eddy Anak Nayoi, Pegawai Daerah Bau dan dihadiri oleh Kr. Yurichson @ Batoe Anak Rongi, Timbalan Pengerusi Majlis, Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau, Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Bahagian. Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada mantan Ahli Majlis sesi 2023 - 2025 turut dilaksanakan sejurus sahaja mesyuarat tamat. Majlis ingin mengucapkan terima kasih atas jasa bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan mereka.

19 Julai 2025 : Program Mass Vaccination, Microchipping dan Licensing MDBau



Program Mass Vaccination , Microchipping dan Licensing dengan kerjasama Jabatan Veterinar Sarawak Bahagian Kuching telah diadakan di perkarangan tempat letak kereta Majlis Daerah Bau. Sepanjang program berlangsung, sebanyak 127 ekor anjing telah disenaraikan dengan 124 penggunaan vaksin dan 122 penggunaan microchip.

23 - 25 Julai 2025 : Kursus Sistem Correspondence And Tracking Case Unified System (CACTUS)



Kursus Sistem Correspondence and Tracking Case Unified System atau lebih dikenali dengan nama singkatan CACTUS telah diadakan selama tiga (3) hari bermula 23 Julai 2025 hingga 25 Julai 2025 bertempat di Billik Mesyuarat, Majlis Daerah Bau. Sistem CACTUS merupakan satu sistem pengurusan surat-menyurat elektronik yang bertujuan meningkatkan kepantasan akses, mengurangkan penggunaan kertas serta menjamin perkhidmatan Kerajaan lebih telus melalui penggunaan aplikasi ICT.

30 Julai 2025 : Sesi Audit Sumber Manusia Majlis Daerah Bau



Sesi Audit Sumber Manusia, Pihak Berkuasa Tempatan telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 28 Julai 2025 hingga 30 Julai 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Bau.

Pelaksanaan Audit Sumber Manusia PBT ini adalah bertujuan untuk mengumpul data dan mengenalpasti kapasiti perjawatan di Majlis Daerah Bau. Sesi Audit Sumber Manusia ini melibatkan gabungan dua (2) agensi iaitu Seksyen Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Premier Sarawak dan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak.

4 Ogos 2025 : Mesyuarat Penutupan Audit Penyata Kewangan Majlis Daerah Bau Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024



Mesyuarat Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah diadakan di Dewan Mesyuarat, Majlis Daerah Bau. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada perbincangan berkaitan isu terhadap pengauditan terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Bau bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Tuan Roslan Bin Mohd Dah, Timbalan Pengarah Audit Negeri, Tuan Haji Zamzuri bin Mahdi, Ketua Penolong Pengarah Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak, Puan Rafidah Binti Najar & Puan Irene Shyreena Binti Miho daripada pihak MPH LG serta Setiausaha Majlis, Tuan Ong Chin Ping, Penolong Setiausaha II, Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua-Ketua Seksyen Majlis Daerah Bau. Sesi ini turut memberi ruang perbincangan bersama pihak Jabatan Audit Negara, pihak MPH LG dan pihak Majlis Daerah Bau bagi memastikan segala teguran dan penemuan dapat diteliti serta cadangan penambahbaikan pada masa depan.

13 - 14 Ogos 2025 : Bengkel SDG 3RE : Transformasi Tekstil Kepada Produk Berguna



Bahagian Pembangunan Komuniti dengan kerjasama WormingUp telah mengadakan satu bengkel bertajuk "SDG 3RE: Transformasi Tekstil kepada Produk Berguna" di Perpustakaan Awam, Majlis Daerah Bau. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap matlamat pembangunan mampan (SDG), khususnya dalam aspek kelestarian alam sekitar melalui prinsip 3RE – Reduce, Reuse, Recycle. Bengkel ini memberi tumpuan kepada usaha mengitar semula tekstil terpakai dan menukarkannya menjadi produk yang bernilai dan berguna seperti beg, aksesori, atau barangan hiasan. Program ini melibatkan penyertaan komuniti terutamanya suri rumah dalam memupuk kreativiti serta inovasi dalam menangani isu sisa tekstil. Selain memberi pendedahan terhadap kepentingan kitar semula dalam industri fesyen, bengkel ini juga menyokong inisiatif hijau dan ekonomi kitaran, sejajar dengan amalan mampan yang digalakkan dalam SDG.

20 Ogos 2025 : Lawatan Akademik Institusi Pengajian Tinggi Ke Majlis Daerah Bau



Majlis Daerah Bau telah menerima lawatan akademik daripada pelajar program Doctor In Public Health (DrPH), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS ke tapak pelupusan sampah, Majlis Daerah Bau. Rombongan ini adalah bertujuan untuk mengenali serta mempelajari struktur dan operasi fasiliti, menilai risiko kesihatan dan alam sekitar serta menilai tahap perlindungan dan keselamatan pekerja di tapak pelupusan. Semasa lawatan, para pelajar yang terdiri daripada Dr. Michael Pui Chia Shin, Dr. Nur Sulastini Md Nor, Dr. Mohd Nor Faizal Zulkifli, Dr. Simon Channing Nub, Dr. Wong Siaw Hui dan Dr. Nurul Aqma Ismail telah diberi taklimat ringkas oleh Bahagian Kesihatan Awam berkenaan pengurusan tapak pelupusan sampah terbuka dan lawatan tapak ke tapak Pelupusan Pelupusan Terbuka, Majlis Daerah Bau di jalan Skiat Lama Bau.

28 Ogos 2025 : Sambutan Hari Integriti Sarawak 2025 Secara Dalam Talian



Sambutan Hari Integriti Sarawak 2025 (HIS) telah dianjurkan oleh Kerajaan Sarawak melalui Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak, Jabatan Premier Sarawak, dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) serta Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACEIO) Sarawak. Kakitangan Majlis Daerah Bau turut terlibat dalam acara tersebut secara atas talian yang diadakan di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Bau. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak. Penganjuran HIS 2025 mencerminkan komitmen Kerajaan Sarawak dalam memperkukuh budaya integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang cemerlang demi kesejahteraan rakyat serta pembangunan mampan negeri.



17 - 19 September 2025 : Program Cuti Sekolah



Program cuti sekolah, The Play Project bersama Pure Days Studio yang telah berlangsung di Perpustakaan Awam Bau telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan! Setiap sesi disertai oleh 20 orang kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun dan suasana penuh dengan gelak tawa, kreativiti, serta semangat ingin tahu. Perpustakaan Awam Bau akan terus menganjurkan aktiviti bermanfaat seperti ini pada masa akan datang.

27 September 2025 : Program Hari Cuci Malaysia 2025 Peringkat Daerah Bau Anjran Majlis Daerah Bau - Kampung Kopit



Program Hari Cuci Malaysia 2025 Peringkat Daerah Bau telah diadakan dengan jayanya di Kampung Kopit dan telah dirasmikan oleh YB Miro Anak Simbuh. Program ini mendapat kerjasama erat daripada Ahli Majlis, KMKKK, agensi-agensi kerajaan Daerah Bau serta sokongan penuh penduduk kampung. Antara tarikan utama ialah program “Waste to Cash” (membeli barangan terpakai) serta pembelian minyak masak terpakai yang mendapat sambutan amat baik. Gotong-royong yang dijalankan juga berlangsung dengan penuh semangat, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak.



Majlis Daerah Bau telah berjaya menganjurkan Bengkel SDG 3RE (Rethink, Reuse, Recreate) pada 26 – 27 September 2025 bertempat di Perpustakaan Awam Daerah Bau. Program ini dijalankan dengan kerjasama WarmingUp dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta.

- Hari Pertama (26 Sept 2025 – Jumaat): Peserta telah didedahkan dengan tutorial membuat lilin menggunakan minyak terpakai , satu inisiatif lestari yang menggalakkan amalan guna semula.
- Hari Kedua (27 Sept 2025 – Sabtu): Peserta turut berpeluang mempelajari cara membuat coklat lestari yang bukan sahaja menarik tetapi juga memberi kesedaran tentang kepentingan penghasilan makanan yang mesra alam.

7 Oktober 2025 : Lawatan Sambil Belajar Ahli Majlis Ke Kampung Munggu Jabang, Lubok Antu



Satu lawatan sambil belajar telah diadakan ke Ladang Kelulut Sya Trigona Family di Kampung Munggu Jabang yang melibatkan kehadiran Kr. Batoe Yurichson, Timbalan Pengerusi MD Bau, Ahli-Ahli Majlis daripada Jawatankuasa Penlancongan, Pendidikan Komuniti dan Tujuan Am dan diiringi oleh Encik Donelly Deli anak Merum, Ketua Bahagian Kesihatan Awam dan Puan Adeline Molly anak Francis Kiyuk, Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti. Ketibaan rombongan disambut mesra oleh Encik Ting Tiew Lik, Setiausaha MDLA, Puan Norina anak Bunyam, selaku Ketua Program 1 Keluarga 1 Perniagaan, Kr. Ugil Jok, Kr. Francis Linggie anak Nyaran, selaku Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Komuniti & Pelancongan MDLA, kakitangan MDLA, Cik Audrey Annabel anak Chimbi, Puan Steffanie anak John Sli Belayong, Cik Daicymensie anak Bangkong dan komuniti Kampung Munggu Jabang. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai potensi penternakan kelulut sebagai sumber ekonomi komuniti luar bandar, selaras dengan usaha memajukan keusahawanan desa. Dalam sesi lawatan tersebut, para peserta diberi taklimat tentang pelbagai produk berasaskan madu kelulut yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan, serta berpeluang melawat ladang kelulut dan bilik pemprosesan madu. Peserta juga diberi penerangan tentang teknik penternakan kelulut, kaedah tuaian madu serta cabaran dalam industri ini. Rombongan seterusnya dibawa ke Sarang Bee Agrofarm, salah satu lokasi ternakan kelulut berdekatan, dan disambut oleh Encik Helmmmy anak Bunyam selaku Pengurus Sarang Bee Agrofarm. Lawatan ini turut membuka peluang kepada pihak berkuasa tempatan untuk melihat sendiri potensi besar produk berasaskan kelulut dalam meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar serta menyokong pembangunan ekonomi komuniti setempat. Lawatan ini sekaligus memperkukuh jalinan kerjasama antara pihak majlis dan komuniti dalam usaha memperkasakan program 1 Keluarga 1 Perniagaan serta menyokong agenda pembangunan keusahawanan desa yang mampan.

17 Oktober 2025 : Kunjungan Rasmi Dan Perjumpaan Muhibah Ketua Polis Daerah Bau Ke MD Bau



Majlis Daerah Bau telah menerima kunjungan rasmi daripada Ketua Polis Daerah Bau yang baharu, Tuan P/Supt Mohd Haide Bin A. Rahman bersama rombongan pegawai kanan Polis IPD Bau. Kunjungan ini bertujuan untuk berkenalan dan menjalin hubungan kerjasama mesra antara pihak PDRM dan Majlis Daerah Bau dalam usaha menangani isu-isu keselamatan, penguatkuasaan undang-undang, pembangunan daerah serta keharmonian komuniti setempat. Dalam perjumpaan muhibah tersebut, kedua-dua pihak telah bertukar pandangan serta berkongsi cadangan bagi meningkatkan lagi sinergi dan keberkesanan pelaksanaan tugas di lapangan. Setiausaha Majlis Daerah Bau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan hormat ini dan berharap jalinan kerjasama yang erat ini dapat diteruskan demi kesejahteraan dan keselamatan komuniti di daerah Bau.

20 Oktober 2025 : Pertandingan Antara Sekolah Menggunakan Sisa Terpakai Untuk Mencipta Bahan Pembelajaran Kelas Sempena Pameran Innowaste 2025



Dua buah sekolah dari Daerah Bau telah menerima pengiktirafan tempat saguhati dalam Pertandingan Menggunakan Sisa Terpakai Untuk Mencipta Bahan Pembelajaran Kelas sempena Pameran Innowaste 2025 yang berlangsung dari 19 hingga 21 Oktober di Hotel Pullman Kuching. Sekolah Kebangsaan (SK) Opar dan Sekolah Kebangsaan (SK) Senibong telah dipilih dan dihantar oleh Majlis Daerah Bau untuk mewakili daerah dalam pertandingan peringkat sekolah tersebut. Kedua-dua sekolah ini menampilkan hasil ciptaan bahan pembelajaran yang inovatif dan mesra alam menggunakan sisa kitar semula, sejajar dengan tema pertandingan yang menekankan kreativiti serta kelestarian. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 20 Oktober 2025, dengan kehadiran wakil sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dari Bahagian Kuching. Pertandingan ini dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak dan bertujuan memupuk kesedaran tentang pengurusan sisa serta amalan hijau dalam kalangan pelajar sekolah. Majlis Daerah Bau mengucapkan tahniah kepada SK Opar dan SK Senibong atas kejayaan mereka dan berharap penyertaan ini dapat menjadi inspirasi kepada lebih banyak sekolah di daerah Bau untuk turut serta dalam program berasaskan kelestarian dan inovasi pada masa hadapan.

20 Oktober 2025 : Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Daerah Bau



Majlis Daerah Bau telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 3/2025 bertempat di Waterfront Hotel, Kuching. Mesyuarat yang bermula pada jam 2:30 petang dan berakhir sekitar 6:00 petang itu telah dipengerusikan oleh Tuan Eddy anak Nayoi selaku Pengerusi Majlis Daerah Bau. Turut hadir bersama adalah Kr. Yurichson @ Batoe anak Rongi, Timbalan Pengerusi dan Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau serta 30 Ahli Majlis dan ketua-ketua bahagian. Pelbagai isu dan perkara berbangkit berkaitan hal ehwal pentadbiran serta pembangunan daerah telah dibincangkan dan diselesaikan sepanjang mesyuarat berlangsung. Sesi tersebut turut menjadi platform untuk memperkukuh koordinasi serta memastikan pelaksanaan dasar dan program majlis berjalan dengan lebih berkesan.

21 Oktober 2025 : Pameran Innowaste 2025



Majlis Daerah Bau telah mengambil bahagian dalam Pameran InnoWaste 2025 yang diadakan di Hotel Pullman, Kuching dari 19 hingga 21 Oktober 2025. Pameran tersebut dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak sebagai inisiatif untuk menggalakkan inovasi dalam pengurusan sisa serta memupuk kesedaran terhadap amalan kelestarian alam sekitar.

Sepanjang pameran berlangsung, booth MDBau telah menerima kunjungan seramai 191 pengunjung terdiri daripada pegawai kerajaan, pelajar institusi pengajian dan orang awam yang berminat terhadap usaha inovasi hijau di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Antara produk yang dipamerkan oleh MDBau ialah:

Bumi Bag – bean bag yang dihasilkan daripada jeans terpakai dengan polisterin dihiris terpakai sebagai bahan isi. Produk ini menunjukkan kreativiti dalam mengitar semula bahan buangan kepada barangan bernilai guna.

Eco Bot – sebuah hasil seni berbentuk robot yang diperbuat daripada dawai terpakai dan plastik sampah yang dikumpul daripada kakitangan MDBau selama dua minggu.

Booth MDBau turut menerima lawatan daripada YB Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak, yang meninjau hasil inovasi kitar semula yang dipamerkan. Penyertaan MDBau dalam pameran ini mencerminkan komitmen pihak majlis dalam menyokong aspirasi Kerajaan Sarawak ke arah kelestarian alam sekitar dan inovasi hijau.

21 Oktober 2025 : Seminar Ahli-Ahli Majlis 2025 : Localization Of Sustainable Development Goals (SDG) For Sarawak Local Authorities



Ahli-Ahli Majlis Daerah Bau telah menghadiri Seminar Ahli-Ahli Majlis 2025: Localization of Sustainable Development Goals (SDGs) for Sarawak Local Authorities yang telah diadakan di Pullman Hotel Kuching anjuran Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Seminar ini bertujuan untuk memperkukuhkan kefahaman dan peranan pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) di peringkat daerah, sejajar dengan komitmen Kerajaan Sarawak ke arah pembangunan yang inklusif dan lestari.

Pelbagai topik menarik telah dibentangkan sepanjang sesi, termasuk “Roles and Responsibilities of Councillors” oleh Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak, “An Overview and Understanding of PCDS 2030” oleh Unit Perancang Ekonomi Sarawak serta “Environmental Sustainable Pillar: Focus Areas and New Initiatives in the Context of Local Authorities” oleh Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak, yang menyampaikan Amanat beliau serta merasmikan Pelancaran Sarawak Sustainable Development Goals (SDGs) Roadmap for City, Municipal and District Councils. Turut hadir adalah Yang Berhormat Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak serta Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak, bersama para Timbalan Menteri dan pegawai kanan kerajaan. Penyertaan Majlis Daerah Bau dalam seminar ini mencerminkan komitmen berterusan ahli-ahli majlis dalam memahami dasar pembangunan negeri dan memperkukuh peranan mereka dalam merealisasikan agenda pembangunan mampan di peringkat tempatan.



25 Oktober 2025 : Lawatan Delegasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya Ke Majlis Daerah Bau Dan Pasar Serikin



Majlis Daerah Bau telah menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Mohamad Zahri bin Haji Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya serta Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin, Pengarah Bahagian Pelesenan dan 26 orang kakitangan MBPJ. Lawatan ini bertujuan untuk bertukar pandangan dan berkongsi amalan terbaik dalam aspek pelesenan, pengurusan kesihatan awam serta pembangunan komuniti di samping memperkukuh hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak berkuasa tempatan. Delegasi disambut oleh Kr. Yurichson @ Batoe anak Rongi, Timbalan Pengerusi Majlis Daerah Bau bersama Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis dan beberapa ahli majlis dan ketua - ketua bahagian. Lawatan kerja ini meliputi kunjungan ke Majlis Daerah Bau, Pasar Serikin dan Tasik Biru, di mana para delegasi berpeluang meninjau pengurusan operasi, aktiviti pelesenan serta inisiatif Majlis Dearah Bau dalam memelihara kebersihan dan pembangunan pelancongan tempatan. Majlis Daerah Bau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas lawatan ini dan berharap agar hubungan kerjasama serta pertukaran ilmu antara kedua-dua pihak akan terus diperkukuh demi memperkukuh tadbir urus dan pembangunan mapan di peringkat tempatan.

20 November 2025 : Program Saringan Kesihatan 2025



Program Saringan Kesihatan di bawah KOSPEN WOW dan National Health Screening Initiative (NHSI) telah berjaya dianjurkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Bau bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Bau. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua kakitangan MDB. Penganjuran ini diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeriksaan kesihatan berkala dan memupuk gaya hidup sihat demi penjagaan kesihatan dalam kehidupan seharian.

29 November 2025 : Majlis Makan Malam Tahunan Majlis Daerah Bau 2025



Majlis Daerah Bau telah mengadakan Majlis Makan Malam Tahunan pada 29 November 2025 bertempat di Roxy Hotel, Siniawan. Acara ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi Bau (KSRB) sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan dedikasi semua warga Majlis sepanjang tahun. Bertemakan “Bollywood Night”, para tetamu hadir dengan busana penuh warna-warni dan glamor bagi menyerlahkan suasana Bollywood yang meriah. Majlis telah bermula pada jam 6:30 petang dan tamat pada jam 11:00 malam, dengan pelbagai pengisian menarik. Antara aktiviti utama malam tersebut termasuk pemberian Sijil Penghargaan Anugerah Pekerja Contoh sebagai penghargaan khas kepada kakitangan Majlis yang cemerlang dan berdedikasi sepanjang tahun, Pertandingan Bollywood Dance, King & Queen of the Night dan Cabutan Bertuah pelbagai hadiah menarik untuk para tetamu bertuah. Majlis ini telah menjadi malam penuh kegembiraan, kebersamaan, dan penghargaan, sekaligus mengukuhkan hubungan silaturahim antara semua warga Majlis Daerah Bau.

30 November 2025 : Bau Town Christmas Tree Light Up 2025



Bau Town Christmas Tree Light Up yang dinanti - nantikan telah diadakan pada 30 November 2025 bertempat di stesen teksi Bau pada jam 7:00 malam. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Henry Jinep, Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut) Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.2 Tasik Biru, yang secara rasmi merasmikan upacara penyalan pokok Krismas.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dato Miro Simuh, Ahli Dewan Undangan Negeri N18 Serembu, YB Dato Lo Khare Chiang, Ahli Dewan Undangan Negeri N13 Batu Kitang, Encik Eddy Nayoi, Pegawai Daerah Bau dan Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau. Majlis turut diserikan dengan persembahan carolling daripada St Stephen Church Bau Choir Group yang menambahkan lagi suasana harmoni dan semangat Krismas pada malam tersebut. Persembahan bunga api yang memukau turut memberi pengalaman yang mengujakan kepada para pengunjung dari pelbagai peringkat umur. Komuniti setempat hadir bersama-sama bagi meraikan musim perayaan dengan penuh kegembiraan, perpaduan dan semangat kemasyarakatan, sambil menikmati keindahan pokok Krismas yang dihias indah serta suasana ceria yang memenuhi ruang majlis.

10 Disember 2025 : Aktiviti Rondaan Dan Operasi Penangkapan Anjing Tidak Bertuan Di Kawasan Singai



Bahagian Kesihatan Awam Majlis Daerah Bau meneruskan usaha membendung penularan wabak rabies menerusi satu operasi rondaan dan penangkapan anjing tidak bertuan di sekitar kawasan Singai, Bau pada pagi ini. Sepanjang rondaan dijalankan, pasukan operasi berjaya menangkap seekor anjing tidak bertuan di kawasan Klinik Kesihatan Singai. Menurut pihak operasi, tindakan berterusan seperti ini penting dalam memastikan keselamatan penduduk setempat dan mengurangkan risiko penularan rabies. Operasi rondaan dan tangkapan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa sebagai langkah proaktif dalam menangani ancaman rabies di daerah Bau. Pihak berkuasa turut menggesa orang ramai melaporkan sebarang kehadiran anjing tidak bertuan bagi memastikan tindakan segera dapat diambil demi keselamatan komuniti.

09 Disember 2025 : Majlis Anugerah MPHLG 2025



Majlis Daerah Bau telah menghadiri Majlis Anugerah MPHLG 2025 yang telah diadakan di Imperial Hotel, Kuching pada 9 December 2025. Turut hadir bersama Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau. Antara penerima MDB yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 adalah En. Ong Chin Ping, Pn. Shahbibah Bt Mohd Bojeng, Pn. Rose Neber Bira, Pn. Ramona Binti Abdul Hadi, En. Luvester ak Toning dan En. Heyward ak Amik. Kesemua anugerah telah disampaikan oleh YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak dan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Tahniah kepada semua penerima dan semoga penerima anugerah ini terus menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang pada masa akan datang.

11 Disember 2025 : Operasi Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP) Nyamuk Di Kawasan Tasik Biru



Enam anggota dari Bahagian Kesihatan Awam Majlis Daerah Bau, Unit Vektor (Denggi) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Bau telah menjalankan operasi Pemusnahan Tempat Pembiakan (PTP) nyamuk di kawasan Tasik Biru pada jam 9.30 pagi hari ini. Operasi tersebut turut merangkumi aktiviti pendidikan kesihatan serta penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (ASPPS 1975). Tindakan ini bertujuan memastikan persekitaran khususnya kawasan tumpuan awam kekal bebas daripada risiko peningkatan kes demam denggi. Pihak berkuasa berharap usaha berterusan ini dapat meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk bagi mengekang penularan penyakit bawaan vektor.

1 - 5 Disember 2025 : Afterschool Workshop 2025



After School Workshop yang dianjurkan oleh Seksyen Pendidikan Komuniti dengan kerjasama Tutufun telah memberikan pengalaman yang penuh berwarna-warni kepada para peserta dengan tema-tema menarik untuk setiap aktiviti yang dijalankan. Program ini telah berlangsung selama lima hari bermula 1 Disember 2025 hingga 5 Disember 2025 bertempat di Perpustakaan Awam MD Bau. Program ini bertujuan untuk mengasah kreativiti, memperkukuhkan nilai-nilai kerjasama, dan menghubungkan anak-anak dengan alam serta budaya setempat. Program After School bersama Tutufun telah mencipta suasana yang penuh keceriaan dan pembelajaran untuk anak-anak serta memberi pengalaman yang tidak hanya menyeronokkan tetapi juga mendidik. Dengan pelbagai tema menarik dan aktiviti yang melibatkan interaksi dengan alam dan budaya, program ini memberikan peluang yang sangat baik untuk perkembangan sosial, emosi, dan intelektual kanak-kanak.

12 Disember 2025 : Aktiviti Rondaan Dan Operasi Penangkapan Anjing Tidak Bertuan Di Kawasan Singai, Bau



Majlis Daerah Bau telah melaksanakan Aktiviti Rondaan dan Operasi Penangkapan Anjing Tidak Bertuan di kawasan Singai, Bau pada 12 Disember 2025 bermula jam 9.00 pagi. Operasi ini melibatkan seramai 5 orang kakitangan dari Bahagian Kesihatan Awam Majlis Daerah Bau dan dijalankan secara terancang di beberapa lokasi yang dikenal pasti berisiko. Hasil daripada operasi ini, sebanyak 2 ekor anjing tidak bertuan telah berjaya ditangkap di sekitar Jalan Bakung dan Jalan Burung, Bobak Singai. Pelaksanaan operasi ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Majlis Daerah Bau dalam menangani dan mengawal risiko penularan penyakit rabies di Daerah Bau, selain memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat. Majlis Daerah Bau akan meneruskan operasi seumpama ini dari semasa ke semasa dan mengalu-alukan kerjasama orang awam untuk melaporkan kehadiran anjing tidak bertuan di kawasan masing-masing. Kerjasama semua pihak amat dihargai demi mewujudkan persekitaran yang selamat, bersih dan sihat untuk komuniti setempat.

20 Disember 2025 : Program Kaunter Bergerak Bahagian Penilaian & Percukaian MDB Di Kampung Sibuluh



Program Kaunter Bergerak Bahagian Penilaian & Percukaian Majlis Daerah Bau (MDB) telah diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Sibuluh pada 20 Disember 2025, dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Program ini bertujuan memudahkan penduduk setempat menjalankan urusan pembayaran bil cukai taksiran serta perkhidmatan lain yang berkaitan. Sambutan amat menggalakkan apabila penduduk dari Kampung Sibuluh, Kampung Suba Bandar, Kampung Suba Bau dan Kampung Suba Buan hadir mengambil peluang yang disediakan. Selain itu, penduduk turut memanfaatkan promosi diskaun 50% ke atas denda cukai taksiran yang masih berbaki 11 hari lagi, sekali gus membantu meringankan beban kewangan pembayar cukai.

18 Disember 2025 : Perhimpunan Pagi Dan Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Rekreasi Majlis Daerah Bau



Perhimpunan Pagi yang disusuli dengan Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Rekreasi Majlis Daerah Bau telah diadakan bagi memperkukuh semangat kerja berpasukan serta menzhahirkan komitmen warga kerja Majlis Daerah Bau terhadap integriti dan tadbir urus yang baik melalui tandatangan Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Dalam majlis yang sama, penyampaian sijil penghargaan Anugerah Pekerja Cemerlang telah diadakan sebagai pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang dan dedikasi kakitangan Majlis dalam menjalankan tanggungjawab. Selain itu, perhimpunan turut menyentuh isu-isu semasa berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan Majlis, di samping sesi perkongsian serta penyampaian makluman oleh Setiausaha Majlis yang memberi penekanan kepada hala tuju organisasi dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Seterusnya, Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Rekreasi telah diadakan dengan agenda utama iaitu pembubaran dan pemilihan Ahli Jawatankuasa (EXCO) baharu bagi sesi akan datang. Ucapan terima kasih dan penghargaan turut dirakamkan kepada barisan Ahli Jawatankuasa (EXCO) Kelab Sukan dan Rekreasi sesi terdahulu atas komitmen, sumbangan serta dedikasi yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan. Tahniah diucapkan kepada barisan Ahli Jawatankuasa (EXCO) Kelab Sukan dan Rekreasi Majlis Daerah Bau yang baharu dilantik. Diharapkan pelantikan ini dapat menyuntik idea segar serta memperkasakan penganjuran aktiviti kelab pada masa akan datang.

18 Disember 2025 : Sambutan Pra-Krismas Majlis Daerah Bau



Majlis Daerah Bau telah mengadakan Sambutan Pra-Krismas pada 18 Disember 2025, jam 3:00 petang bertempat di Perpustakaan Awam Majlis Daerah Bau. Sambutan dimulakan dengan aktiviti carolling, di mana kakitangan menyanyikan lagu Krismas di setiap bahagian sehingga mengakhiri sesi di Perpustakaan Awam, sebelum majlis rasmi bermula. Majlis diteruskan dengan ucapan oleh Setiausaha Majlis yang menyampaikan kata-kata selamat dan harapan agar sambutan ini dapat memperkukuh ukhuwah serta semangat kerjasama di kalangan warga kerja. Suasana menjadi lebih mesra dengan aktiviti makan-makan bersama, membolehkan semua warga Majlis menikmati hidangan sambil berbual santai. Selain itu, program ini turut diisi dengan aktiviti pertukaran hadiah (exchange gift), yang menambahkan keceriaan sambutan dan mencerminkan semangat memberi serta menghargai antara rakan sekerja. Sambutan Pra-Krismas ini berlangsung dengan meriah dan penuh keakraban, sejajar dengan nilai-nilai musim Krismas yang membawa kegembiraan serta keharmonian kepada semua yang hadir.

22 Disember 2025 : Latihan Kebakaran (Fire Drill) Majlis Daerah Bau Bersama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia



Majlis Daerah Bau telah mengadakan Latihan Kebakaran (Fire Drill) pada 22 Disember 2025 jam 10.00 pagi bertempat di Bangunan Majlis Daerah Bau dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Daerah Bau. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap persediaan ahli majlis dan warga kerja Majlis Daerah Bau dalam menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan kebakaran serta memastikan semua kakitangan memahami prosedur keselamatan dan plan pemindahan yang betul sekiranya berlaku insiden sebenar. Latihan ini turut memberi pendedahan kepada warga kerja mengenai penggunaan peralatan keselamatan dan langkah-langkah awal dalam menangani kebakaran. Majlis Daerah Bau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Bau atas kerjasama, tunjuk ajar serta komitmen yang diberikan dalam menjayakan latihan ini. Diharapkan latihan seumpama ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap keselamatan di tempat kerja sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Sidang Redaksi

Buletin Majlis Daerah Bau

Penasihat

Encik Ong Chin Ping

Penyelaras

Puan Adeline Molly Anak Francis Kiyuk

Editor & Pengarang

Cik Luciana Juana

Jurufoto

Encik Aric Steven Anak Monday

Penerbit

Bahagian Pembangunan Komuniti & Korporat



